



POLISI OPERASI

CODE PINK HOSPITAL KOTA MARUDU

Disediakan Oleh :

Nama : Rusanah Orou
Jawatan : Ketua Jururawat Gred U32
Tarikh : 08/05/2019.

Disahkan,

DR. LYDIARITA M. MARAJIN
PENGARAH HOSPITAL
HOSPITAL KOTA MARUDU
NO. MMC: 51398

8/5/19

POLISI CODE PINK HOSPITAL KOTA MARUDU

➤ **DEFINASI**

- a) *CODE PINK* : merupakan kod prosedur kecemasan yang memerlukan tindakan pengesanan segera jika berlaku kehilangan bayi di dalam Hospital.
- b) Satu sistem responsive dalam keadaan dimana berlaku atau disyaki berlaku penculikan bayi dalam lingkungan umur diantara 0-12 bulan di kemudahan fasiliti kesihatan

➤ **TUJUAN**

Tujuan Polisi *CODE PINK* diwujudkan adalah untuk memastikan respon yang betul diambil sekiranya terdapat kejadian penculikan bayi berumur satu tahun dan ke bawah di Hospital Kota Marudu.

➤ **CIRI- CIRI PENCULIK**

Terdapat beberapa ciri-ciri biasa yang boleh didapati pada seorang penculik. Kemungkinan tidak semua ciri-ciri ini terdapat pada seseorang penculik, namun semua kakitangan hendaklah sentiasa berwaspada dengan kehadiran individu yang mencurigakan dan segera melaporkan kepada pengawal keselamatan. Berikut adalah ciri-ciri yang biasa terdapat pada seseorang penculik:

1. Perempuan dalam lingkungan umur yang subur, iaitu umur 12 - 50 tahun dan selalunya mempunyai berat badan yang berlebihan.
2. Seseorang yang *compulsive*, pintar memanipulasi, menipu dan mengaburi mata umum.
3. Selalu menyatakan bahawa dia telah kehilangan bayinya ataupun tidak dapat melahirkan zuriat.
4. Selalunya sudah berkahwin ataupun tinggal bersama-sama pasangan. Keinginan pasangan untuk mendapatkan anak ataupun keinginan penculik tersebut untuk memberikan seorang zuriat mungkin menjadi motif penculikan.
5. Selalunya tinggal di dalam komuniti yang berdekatan dengan tempat penculikan.
6. Seringkali melawat fasiliti tempat penculikan dan juga fasiliti lain yang menempatkan bayi atau kanak-kanak. Selalu bertanya soalan tentang cara operasi fasiliti tersebut , prosedur-prosedur berkaitan, pelan lantai bangunan terutamanya wad maternity atau wad bersalin. Penculik juga pernah menggunakan pintu rintangan api. Penculik juga mungkin akan cuba menculik bayi yang telah discaj ke rumah dengan cara menyamar sebagai petugas kesihatan.

7. Penculikan biasanya dirancang tetapi tidak mempunyai target khusus untuk diculik. Penculik akan menculik sebaik sahaja ada peluang berbuat demikian.
8. Biasanya menyamar sebagai jururawat atau kakitangan lain.
9. Sangat biasa dengan tugas-tugas kakitangan kesihatan, rutin harian kakitangan bertugas, mengenali kakitangan dan mungkin mengenali ibubapa kepada bayi yang diculik.
10. Menunjukkan keupayaan untuk memberi penjagaan sepenuhnya kepada bayi yang diculik.
11. Mungkin akan menculik bayi dengan cara menggendong bayi tersebut, membawa bayi di dalam beg besar yang boleh memuatkan bayi tersebut, menyembunyikan bayi dibawah lipatan kain / tuala/ kot atau memakai pakaian kakitangan hospital sambil menggendong bayi.

➤ **LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN**

1. Hospital hendaklah sepanjang masa memastikan bahawa semua langkah-langkah pencegahan dilakukan untuk mengelakkan terjadinya penculikan bayi dari fasiliti.
2. Semua kakitangan faham dan tahu tanggungjawab masing-masing dan tahu tindakan yang perlu dibuat semasa situasi berlaku.
3. Kakitangan hendaklah sentiasa berinteraksi dengan ibu-ibu atau penjaga yang sah dan mengambiltahu sekiranya terdapat apa-apa risiko penculikan atau masalah keselamatan bayi mereka.
4. Semua kakitangan di wad bersalin hendaklah mematuhi polisi tag nama bayi sepanjang masa di wad.
5. Semua kakitangan hendaklah sentiasa memakai kad nama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mempunyai foto sepanjang masa semasa bertugas supaya mana-mana individu yang menyamar boleh dikenalpasti dengan segera.

➤ **IDENTIFIKASI BAYI**

1. Semua bayi hendaklah dipakaikan tag nama di kaki sebelah kiri, dihadapan ibu sebaik sahaja dilahirkan.
2. Tag nama bayi mestilah mempunyai nama ibu dan no kad pengenalan ibu atau nombor pendaftaran kemasukan ke wad.
3. Tag nama bagi bayi lelaki adalah warna biru dan bagi bayi perempuan warna merah jambu.

4. Pemeriksaan bayi hendaklah direkodkan dengan lengkap dalam borang pemeriksaan bayi.
5. Semasa discaj, semua ibu dan bayi hendaklah diperiksa oleh pengawal keselamatan dan pengawal keselamatan mesti mencatatkan nama ibu dan bayi berkenaan dalam buku yang disediakan. Pengawal keselamatan hendaklah memastikan tag nama ibu dan tag nama bayi adalah sama.
6. Tag nama bayi hendaklah ditanggalkan di rumah.

➤ **PEMINDAHAN BAYI DARI SATU UNIT KE UNIT LAIN DI DALAM FASILITI**

Jika bayi dipindahkan dari satu unit ke unit yang lain di dalam fasiliti:

1. Hanya kakitangan hospital sahaja boleh memindahkan bayi dari satu unit ke unit yang lain.
2. Kakitangan hospital hendaklah memakai kad nama sepanjang masa bertugas.
3. Individu lain yang boleh memindahkan / menggendong bayi selain daripada kakitangan hospital adalah ibubapa atau penjaga yang sah sahaja semasa proses pemindahan ini.
4. Sepanjang Proses ini mestilah sentiasa diselia (*direct line - of- sight supervision*) dan dikendalikan oleh kakitangan unit –unit terlibat sahaja.
5. Proses pemindahan bayi adalah dengan cara menggendong , menggunakan *bassinet* atau menggunakan inkubator.

➤ **SEPANJANG BERADA DI WAD**

1. *Bassinet* bayi dan katil ibu hendaklah sentiasa berdekatan dan jauh dari pintu masuk ke wad.
2. Kakitangan hendaklah menerangkan kepada ibu-ibu supaya meminta bantuan daripada kakitangan yang bertugas untuk menjaga bayi mereka jika mereka terpaksa meninggalkan bayi seperti ke tandas dan lain-lain.
3. Bayi tidak dibenarkan bersendirian tanpa pengawasan / penjagaan oleh ibu atau kakitangan hospital.
4. Semua maklumat ibu dan bayi adalah sulit dan disimpan di tempat yang selamat dan tidak terdedah kepada pelawat atau orang awam.
5. Semua pintu masuk ke wad hendaklah sentiasa ditutup melainkan semasa waktu melawat.
6. Pengawal Keselamatan hendaklah sentiasa mengawal /mengawasi pintu utama masuk ke wad-wad dan melakukan rondaan ke wad dari masa ke semasa.

➤ **RESPON APABILA CODE PINK DIAKTIFKAN**

A. WAKTU PEJABAT DAN SEHINGGA 9 MALAM:

1. Setelah menerima maklumat kehilangan bayi, jururawat hendaklah memaklumkan kepada operator berserta dengan deskripsi bayi, tempat dan masa bayi dilihat kali terakhir.
2. Operator hendaklah mengumumkan melalui siaran / PA system **“SECURITY ALERT, CODE PINK DI (LOKASI)” sebanyak 3 kali.**
3. Operator hendaklah memberi maklumat kepada *Response Team*.
4. *Response Team* adalah terdiri daripada :
 - I. Ketua Pengawal Keselamatan : Pengawal Keselamatan dipintu Utama masuk ke wad (depan dan belakang) pintu utama keluar masuk hospital.
 - II. Ketua Jururawat Wad Bersalin / Wad Kanak –Kanak (**Team Leader**)
 - III. Semua Staf Wad Bersalin / Wad Kanak-Kanak yang bertugas
 - IV. Pegawai Perubatan Wad terlibat(wakti pejabat), Pegawai Perubatan 2nd call (luar waktu Pejabat)
5. Tugas *Respon Team* adalah
 - I. Menentukan perimeter sekuriti di kawasan yang terlibat.
 - II. Mengenalpasti sama ada penculikan benar-benar berlaku atau tidak.
 - III. Mengenalpasti bayi yang diculik dan juga penculik.
 - IV. Mendapatkan kembali bayi yang telah diculik.
 - V. Berkomunikasi dengan kakitangan lain dan juga ibubapa mengikut keperluan.
 - VI. Menyiasat dan merekodkan semua butir-butir insiden.
6. Tugas Staf di Wad Bersalin / Wad Kanak-Kanak / semua unit
 - I. Segera mencari bayi dan penculik di kawasan seluruh wad.
 - II. Pencarian juga dilakukan oleh staf yang bertugas di setiap unit masing-masing.
 - III. Pencarian haruslah dilakukan di ruang berikut dan hendaklah melaporkan kepada team leader:
 - a) Ruang rehat
 - b) Tandas – tandas
 - c) Bilik prosedur
 - d) Bilik linen

- e) Bilik stor
 - f) Bilik utility
 - g) Stor
 - h) Bilik rawatan
 - i) Bilik laktasi
 - j) Bilik Doktor on-call
 - k) Semua bilik – bilik yang ada di wad
 - l) Kawasan luar wad, tempat jemur kain
- iii. Kakitangan hendaklah sentiasa berhubung melalui alat komunikasi yang ada.

7. Tugas Pengawal Keselamatan

- i. Segera mengaktifkan dan melakukan operasi mencari diseluruh kawasan dalam dan luar hospital.*****
- ii. Menutup pintu pagar utama dan semua kenderaan yang keluar masuk hospital hendaklah dikawal. Semua kenderaan yang masuk dan keluar daripada hospital hendaklah diperiksa dengan cermat dan nombor plat,jenis dan warna kenderaan direkodkan.
- iii. Memeriksa semua kenderaan yang berada ditempat letak kereta dan merekodkan nombor plat ,jenis dan warna kenderaan.
- iv. Tentukan perimeter sekuriti dikawasan yang terlibat.
- v. Memastikan keadaan di wad adalah terkawal dan keselamatan staf dan pesakit lain terjaga.
- vi. Melindungi tempat berlaku jenayah penculikan daripada orang luar dan pihak media.

8. Tugas kakitangan lain

- i. Selepas mendengar pengumuman *CODE PINK* , semua kakitangan hendaklah menghentikan semua kerja bukan kritikal.
- ii. Semua kakitangan yang tidak melakukan kerja kritikal hendaklah bergegas ke semua pintu keluar untuk menutup laluan keluar. Semua pintu keluar didalam hospital mesti dihalang atau ditutup.
- iii. Sekiranya semua pintu keluar telah dihalang, kakitangan dari unit perlu keluar dan memerhati kawasan sekeliling fasiliti dan juga kawasan tempat letak kereta yang berdekatan untuk memastikan jika ada individu yang mencurigakan berada disitu dan hendak meninggalkan fasiliti.

B. SELEPAS JAM 9 MALAM

1. Jururawat hendaklah memaklumkan kepada Pengawal Keselamatan samada yang berada di pintu utama keluar / masuk wad, sister oncall dan pegawai perubatan 2nd call.

2. **Response Team** SELEPAS JAM 9 PM adalah:

- i. Ketua Pegawai Keselamatan
- ii. Sister Oncall (Team Leader)
- iii. Jururawat Incharge Wad Bersalin / Wad Kanak-Kanak
- iv. Pegawai Perubatan 2nd call
- v. Jururawat Incharge Wad Bersalin/ Wad Kanak-Kanak memaklumkan staf E&T mengaktifkan “**SECURITY ALERT , CODE PINK , DI (LOKASI)**”
- vi. PPP *In- Charge* unit ETD hendaklah memaklumkan perkara ini kepada semua wad dan *Response Team* yang lain.

3. Respon SELEPAS WAKTU PEJABAT bagi setiap kakitangan yang terlibat adalah sama seperti WAKTU PEJABAT

➤ **JIKA PENCULIKAN BENAR-BENAR BERLAKU**

1. *Team Leader* hendaklah menghubungi pengarah hospital / Timbalan pengarah hospital dan melaporkan kejadian penculikan bayi telah berlaku.

2. Pegawai bertugas (officer in-charge)

- a. Pegawai bertugas adalah pengarah hospital ataupun Timbalan pengarah hospital.
- b. Berperanan untuk memberi tugas kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, dan melantik pegawai yang diperlukan.
- c. Mengaktifkan bilik gerakan hospital mengikut keperluan.
- d. Memohon bantuan dari pihak berkuasa yang berkenaan iaitu pihak polis, pihak kebajikan masyarakat dan melaporkan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Sabah dan juga Timbalan Pengarah Negeri (Perubatan) Sabah.

- e. Pegawai bertugas hendaklah melindungi kawasan hospital yang terlibat daripada pihak media dan orang luar.
3. Penolong Pegawai Tadbir N29 (Atau yang Menanggung Tugas) adalah bertanggungjawab untuk mengumpul data yang diperlukan dan data yang tepat dan hendaklah disahkan oleh pegawai bertugas dan juga pihak polis sebelum dimaklumkan kepada kakitangan lain.
 4. Kakitangan hospital adalah dilarang daripada membuat sebarang kenyataan media, hanya Pengarah Kesihatan Negeri (PKN) Sabah sahaja ataupun Pengarah Hospital dengan izin daripada PKN Sabah.
 5. Kakitangan Wad Bersalin/ Wad Kanak-Kanak:
 - a. *Team Leader* mendapatkan semua maklumat berkaitan bayi yang diculik dan penculik , situasi semasa penculikan berlaku dan melaporkan kepada Pegawai Bertugas.
 - b. Borang insiden penculikan bayi hendaklah dilengkapi dengan butir-butir berikut : - Sila rujuk lampiran
 - i. Diskripsi bayi yang diculik
 - ii. Deskripsi penculik
 - iii. Individu lain yang bersama-sama penculik
 - iv. Informasi daripada saksi kejadian
 - c. Ibu bapa bayi yang diculik ditempatkan di satu bilik khas. Barang-barang mereka tidak perlu dibawa bersama kerana barang-barang tersebut merupakan bahan bukti dalam kes tersebut dan perlu dilindungi.
 - d. Seorang kakitangan (Jururawat) hendaklah sentiasa bersama-sama dengan ibubapa berkenaan sepanjang masa.
 - e. Semua rekod dan carta pemerhatian ibu dan bayi disimpan rapi.
 - f. Adakan satu tempat khas untuk ahli keluarga lain menunggu supaya mereka boleh mendapatkan informasi terkini pada bila-bila masa (Dewan Sri Posisang).
 - g. Aktifkan "Psychosocial First Aid" team daerah (jika perlu)
 - h. Privasi ibu bapa yang terlibat hendaklah dijaga.
 - i. Hubungi Pegawai Kerja Sosial atau Pegawai kebajikan atau badan kerohanian untuk memberi bantuan kepada ibu bapa atau ahli keluarga
 - j. *Team Leader* hendaklah memberi penerangan kepada semua kakitangan di unit yang terlibat dan sentiasa menekankan soal kerahsiaan insiden tersebut.(*Confidentiallity*).

- k. Semua jururawat yang bertugas di unit yang terlibat menerangkan kejadian yang berlaku kepada ibu-ibu lain di wad dan pada yang sama hendaklah menjaga kerahsiaan.
- l. Jika ibu sudah discaj dari fasiliti, seorang kakitangan hendaklah ditugaskan sebagai *Liaison* (Pegawai Kerja Sosial atau Jururawat).
- m. Satu mesyuarat hendaklah diadakan seberapa segera untuk sesi perbincangan semua kakitangan yang terlibat dalam kejadian penculikan tersebut.

6. Pengawal Keselamatan

- a. Mengawal dan mengawasi tempat kejadian dan melindungi kawasan tersebut sehingga pihak berkuasa sampai ke tempat kejadian.
- b. Memaklumkan kepada semua unit-unit di dalam hospital tentang insiden tersebut beserta dengan deskripsi bayi dan penculik.

> PENAMATAN RESPON DAN PEMULIHAN

- 1. Setelah CODE PINK dapat ditangani atau diselesaikan, Pegawai Bertugas akan memberi arahan notifikasi "ALL CLEAR" untuk memberitahu penamatan operasi. Pengumuman hendaklah dibuat oleh Operator melalui siaraya seperti berikut "**CODE PINK, ALL CLEAR**" sebanyak **3 kali**.
- 2. Semua kakitangan hendaklah kembali melakukan tugas masing-masing.
- 3. Bayi / kanak-kanak diserahkan kepada ibu-bapa / penjaga yang sah. Jika bayi / kanak-kanak tidak dijumpai, penyiastaan dilakukan oleh Pihak Polis
- 4. Ahli Jawatan Kuasa Insiden Reporting hendaklah mengadakan Mesyuarat Root Cause Analysis (RCA) untuk mengenal pasti punca dan melakukan penambahbaikan.

APA PERLU DILAKUKAN JIKA ANDA MENEMUI PENCULIK?

- Jika anda **bersemuka** dengan penculik, dengan **nada yang tenang** tanya suspek tersebut tentang **tag nama bayi** untuk membuat **pengesahan**. (Nota : Tag nama bayi hanya akan ditanggalkan apabila bayi telah sampai ke rumah).
- Cuba untuk **menahan suspek** tersebut sementara kakitangan lain **menghubungi Pengawal Keselamatan**. (Semua kakitangan hendaklah menghalang semua jalan keluar secara Berpasangan)
- Jika suspek tersebut enggan untuk ditahan atau bertindak kasar dan ganas dan membahayakan bayi serta kakitangan, ekori suspek tersebut pada suatu jarak yang selamat. Ambil perhatian mengenai ciri-ciri suspek, haluan arah suspek dan nombor plat kenderaan yang dinaiki.
- Semua kakitangan boleh menyambung tugas seperti biasa setelah mendengar pengumuman “CODE PINK, ALL CLEAR”.

CARTA ALIRAN CODE PINK : KEHILANGAN BAYI / KANAK-KANAK

KEHILANGAN BAYI / KANAK-KANAK

Siasat Laporan / informasi yang diterima



DISYAKI

SAH

ABCONDED

PALSU

Disahkan oleh MO/KJ/JT

Bayi / Kanak-kanak Bersama Keluarga

TAMAT

8am - 9pm
Maklumkan kepada Operator

Selepas 9pm
Jururawat hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Keselamatan samada yang berada di pintu utama keluar / masuk wad, KJ oncall dan pegawai perubatan 2nd call.r

Arahkan Keluarga bersama anak ke Hospital

Berkumpul di Bilik Gerakan (Bilik Pendarah)

Operator maklumkan kepada Respon Team dan Aktifkan CODE PINK

Pegawal Keselamatan segera mengawal laluan keluar masuk Hospital dan wad

Laporan Insiden

TAMAT

Pencarian disetiap lokasi oleh kakitangan di unit masing-masing

Pengarah akan maklumkan insiden kepada Polis, Pegawai Kebajikan, PKN dan TPKN(P)

Tempatkan ibu bapa mangsa di bilik khas (Bilik Rehat)

- RESPON TEAM**
1. Ketua Pegawai Keselamatan
 2. Sister Oncall (Team Leader)
 3. Jururawat Incharge Wad Bersalin / Wad Kanak-Kanak
 4. Pegawai Perubatan 2nd call
 5. PPP In- Charge unit ETD

YA

Bayi Dijumpai

TIDAK

Serahkan kepada ibu bapa / penjaga yang sah

Penyiasatan dilakukan oleh pihak polis

Pegawai Bertugas akan memberi arahan notifikasi "ALL CLEAR" untuk memberitahu penamatan operasi. Pengumuman hendaklah dibuat oleh Operator melalui siaraya seperti berikut "CODE PINK ,ALL CLEAR" sebanyak 3 kali. Notifikasi "ALL CLEAR" untuk memberitahu penamatan operasi.

Laporan & Dokumentasi

DISAHKAN OLEH:-

TAMAT

Nota ;Respon SELEPAS WAKTU PEJABAT bagi setiap kakitangan yang terlibat adalah sama seperti WAKTU PEJABAT

BORANG INSIDEN PENCULIKAN BAYI

Diskripsi bayi yang diculik :

Nama bayi (seperti dalam Tag Nama bayi & ibu) :.....

Jantina bayi :.....

Jenis dan warna pakaian bayi semasa kejadian :.....

Deskripsi penculik :

Jantina :

Pakaian (Jenis & Warna) :.....

Saiz badan :.....

Anggaran umur :.....

Expresi wajah / kelakuan :

Individu lain yang bersama-sama penculik (Jika ada)

Jantina :

Pakaian (Jenis & Warna) :.....

Saiz badan :.....

Anggaran umur :.....

Expresi wajah / kelakuan :

Informasi daripada saksi kejadian

Nama Saksi :.....

Butiran saksi : Staf Hospital

: Orang awam / pelawat

Keterangan saksi mengenai kejadian :

.....
.....
.....